Pendakwa Raya lwn Nguyen Van Tien dan satu lagi rayuan

MAHKAMAH TINGGI (TEMERLOH) — RAYUAN JENAYAH NO CB-42ES-1–05 TAHUN 2024 DAN CB-42ES-2–05 TAHUN 2024
ROSLAN MAT NOR H
18 OKTOBER 2024

Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap hukuman — Tertuduh mengaku salah atas kesalahan menyimpan bahagian hidupan liar di bawah s 68(1)(b) Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716) yang boleh dihukum di bawah s 68(2)(c) Akta sama — Hakim mahkamah sesyen menjatuhkan hukuman denda RM300,000 jika gagal bayar empat tahun penjara dan juga hukuman pemenjaraan selama empat tahun — Sama ada kadar denda yang diputuskan oleh hakim mahkamah sesyen adalah suatu kekhilafan — Sama ada kadar hukuman pemenjaraan sekiranya tertuduh gagal membayar denda adalah teratur — Sama ada hukuman pemenjaraan yang diputuskan oleh hakim mahkamah sesyen adalah teratur — Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 s 68(1)(b) & (2)(c) — Kanun Tatacara Jenayah s 283(1)(c)

Tafsiran Statutori — Statut — Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 — Tafsiran s 68(2)(c) Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 — Jumlah denda yang boleh dikenakan di bawah s 68(2)(c) Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 — Sama ada kadar denda yang diputuskan oleh hakim mahkamah sesyen adalah suatu kekhilafan

Tertuduh dalam rayuan-rayuan semasa telah membuat pengakuan salah bagi kesalahan menyimpan 54 bahagian harimau kumbang tanpa permit khas, suatu kesalahan di bawah s 68(1)(b) Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 ('Akta 716) dan boleh dihukum di bawah s 68(2)(c) Akta 716 (yang dipinda melalui Akta Pemuliharaan Hidupan Liar (pindaan) 2022 (Akta A1646)). Lantaran itu, hakim mahkamah sesyen ('HMS') telah menjatuhkan hukuman-hukuman berikut kepada tertuduh: (a) denda sebanyak RM300,000 dan jika gagal bayar, empat tahun penjara; dan (b) empat tahun penjara dari tarikh tangkap. Terkilan dengan hukuman yang dijatuhkan, kedua-dua pihak telah memfailkan rayuan-rayuan semasa. Tertuduh telah merayu untuk hukuman yang lebih ringan manakala pihak pendakwaan pula menyatakan bahawa hukuman denda yang dikenakan adalah tidak sejajar dengan peruntukan s 68 Akta 716. Pihak pendakwaan berhujah bahawa jumlah denda yang sepatutnya dikenakan oleh HMS adalah sebanyak RM8.1 juta dengan mengambil kira bahagian hidupan liar seperti yang dinyatakan di dalam kertas pertuduhan iaitu sebanyak 54 bahagian yang didarabkan dengan jumlah denda RM150,000 bagi setiap bahagian hidupan

liar seperti yang diperuntukkan dalam s 68(2)(c) Akta 716. Isu-isu yang berbangkit dalam rayuan-rayuan semasa adalah: (a) sama ada kadar denda yang diputuskan oleh HMS adalah suatu kekhilafan; (b) sama ada kadar hukuman pemenjaraan sekiranya tertuduh gagal membayar denda adalah teratur; dan (c) sama ada hukuman pemenjaraan yang diputuskan oleh HMS adalah teratur.

Diputuskan, menolak rayuan pendakwa raya, membenarkan rayuan tertuduh dan menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM300,000 jika gagal bayar 12 bulan penjara, dan penjara 24 bulan dari tarikh tangkap:

(1) Adalah menjadi prinsip undang-undang yang jelas bahawa undang-undang jenayah hendaklah ditafsirkan dengan lebih ketat. Mahkamah juga mengambil perhatian kepada salah satu perkara penting dalam pentafsiran undang-undang bertulis iaitu pentafsiran tersebut tidak boleh sesuatu yang tidak munasabah atau mustahil. Ini bermaksud bahawa pentafsiran yang diberikan tidak sewajarnya memberikan ianya suatu yang tidak munasabah sehingga menyebabkan undang-undang itu tidak membawa makna seperti yang dihasratkan di dalam penggubalannya (lihat perenggan 17 & 21).

(2) Tafsiran bagi s 68(2)(c) Akta 716 yang menyatakan bahawa denda tidak kurang daripada RM150,000 akan dikenakan kepada setiap bahagian hidupan liar seperti yang dihujahkan oleh timbalan pendakwa raya boleh menyebabkan penjenayah akan memilih untuk mendapatkan seekor hidupan liar yang hanya boleh dijatuhkan hukuman tidak kurang daripada RM150,000 dibandingkan sekiranya bahagian-bahagian hidupan liar itu terlibat dalam kesalahan yang dilakukan oleh seseorang di mana setiap bahagian tersebut akan menyebabkan tertuduh boleh dikenakan hukuman lebih daripada RM150,000. Ini pada adalah satu tafsiran yang kurang tepat. Mahkamah mengambil maklum maksim undang-undang dura lex, sed ita scripta est, bahawa walaupun hukuman di bawah peruntukan tersebut adalah berat, namun ia perlu dilaksanakan. Walau bagaimanapun, mahkamah berpendapat tafsiran yang tidak munasabah kepada peruntukan tersebut akan menyebabkan berlakunya ketidakadilan kepada tertuduh (lihat perenggan 22 & 24).

(3) Mahkamah berpendapat bahawa peruntukan di bawah s 68(2)(c) Akta 716 menunjukkan bahawa kesalahan yang melibatkan seekor hidupan liar boleh dikenakan hukuman minimum RM150,000 dan jika seseorang itu didapati melakukan kesalahan yang melibatkan bahagian atau mana-mana terbitan hidupan liar ia tertakluk kepada hukuman denda tidak kurang daripada RM150,000 tanpa mengambil kira berapakah jumlah bahagian dan terbitan hidupan liar tersebut. Ini adalah suatu yang munasabah bagi menggambarkan bahawa seorang pesalah sama ada dia menyimpan sebahagian atau mana-mana terbitan hidupan liar, dia masih tertakluk untuk dijatuhkan hukuman denda tidak kurang

daripada RM150,000. Mahkamah berpendapat bahawa tafsiran sedemikian adalah tafsiran yang lebih munasabah dan selari dengan hasrat penggubalan Akta 716. Oleh itu, keputusan HMS untuk mengenakan denda sebanyak RM300,000 adalah wajar (lihat perenggan 22–23 & 25).

(4) Berdasarkan s 283(1)(c) Kanun Tatacara Jenayah, mahkamah yang menjatuhkan hukuman denda boleh menjatuhkan hukuman pemenjaraan sekiranya denda tersebut gagal dibayar. Namun demikian, hukuman pemenjaraan di atas kegagalan membayar denda hendaklah dilakukan dengan mengambil kira prinsip keadilan dan tidak boleh dilakukan secara sesuka hati. Mahkamah dalam menimbangkan hukuman pemenjaraan di atas kegagalan membayar denda perlu mengambil kira sama ada hukuman pemenjaraan telah diberikan bersama-sama hukuman denda. Ini bagi mengelakkan tempoh pemenjaraan yang panjang ekoran daripada kegagalan seseorang menjelaskan denda yang memerlukan dia menjalankan hukuman pemenjaraan (lihat perenggan 28 & 30).

(5) Dalam kes semasa, mahkamah berpendapat bahawa keputusan HMS yang menjatuhkan hukuman denda RM300,000 jika gagal bayar penjara empat tahun telah dilakukan dengan gagal tanpa mengambil kira kepentingan keadilan. HMS gagal mempertimbangkan dengan sewajarnya rayuan peringanan hukuman oleh tertuduh dalam menjatuhkan hukuman pemenjaraan di atas kegagalan membayar denda. Setelah meneliti rayuan semasa, fakta dan ekshibit-ekshibit yang dikemukakan serta prinsip penghakiman, mahkamah menetapkan hukaman 12 bulan penjara sekiranya tertuduh gagal membayar denda tersebut (lihat perenggan 33–34).

(6) Setelah menimbangkan fakta kes dan tanpa meremehkan usaha untuk melakukan pemuliharaan kepada haiwan liar seperti yang dinyatakan dalam Akta 716, mahkamah mendapati bahawa hukuman pemenjaraan selama empat tahun yang diberikan oleh HMS adalah perlu diketepikan dan digantikan dengan hukuman pemenjaraan selama 24 bulan yang merupakan hukuman yang lebih sesuai berdasarkan fakta dan keadaan dalam kes semasa (lihat perenggan 35).

[English summary

The accused in the present appeals pleaded guilty to the offence of keeping 54 parts of a panther without a special permit, an offence under s 68(1)(b) of the Wildlife Conservation Act 2010 ('Act 716') and punishable under s 68(2)(c) of Act 716 (as amended by the Wildlife Conservation (Amendment) Act 2022 (Act A1646)). Accordingly, the sessions court judge ('the SCJ') imposed the following sentence to the accused: (a) a fine of RM300,000, in default, four years imprisonment; and (b) four years imprisonment from the date of arrest.

Aggrieved by the sentence imposed, both parties filed the present appeals. The accused had appealed for a lighter sentence while the prosecution alleged that the fine imposed was not in line with the provisions of s 68 of Act 716. The prosecution argued that the total fine that ought to be imposed by the SCJ was RM8.1m taking into account the wildlife parts as stated in the charge sheet, which were 54 parts multiplied by the total fine of RM150,000 for each part as provided in s 68(2)(c) of Act 716. The issues that arose in the present appeals were: (a) whether the amount of fine imposed by the SCJ was erroneous; (b) whether the period of imprisonment imposed if the accused failed to pay the fine was appropriate; and (c) whether the imprisonment sentence imposed by the SCJ was appropriate.

Held, dismissing the prosecutor's appeal, allowing the accused's appeal, sentencing the accused to a fine of RM300,000 in default, 12 months' imprisonment and sentencing the accused to 24 months imprisonment from the date of arrest:

(1) It was a clear principle of law that criminal law should be interpreted strictly. The court also noted one of the important points in the interpretation of written law, namely that the interpretation should not be unreasonable or impossible. This meant that the interpretation given should not be unreasonable to the extent that it would cause the law not to carry the meaning intended in its promulgation (see paras 17 & 21).

(2) The interpretation of s 68(2)(c) of Act 716 to the effect that a fine of not less than RM150,000 shall be imposed on each part of the wildlife as argued by the deputy public prosecutor may result in the criminal choosing to obtain a wild animal which could only be punished with a sentence of not less than RM150,000 compared to if the parts of the wildlife were involved in an offence committed by a person where each of the parts would result in the accused being sentenced to more than RM150,000. This was an inaccurate interpretation. The court took note of the legal maxim dura lex, sed ita scripta est, that although the punishment under the provision was severe, it must be carried out. However, the court was of the view that an unreasonable interpretation of the provision would result in injustice to the accused (see paras 22 & 24).

(3) The court was of the opinion that the provisions under s 68(2)(c) of Act 716 indicated that an offence involving wildlife was punishable by a minimum fine of RM150,000 and if a person was found to have committed an offence involving a part or any derivative of a wildlife, he was liable to a fine of not less than RM150,000 regardless of the total number of parts and derivatives of the wildlife. This was reasonable to illustrate that an offender, whether he kept a part or any derivative of a wild animal, was still liable to a fine of not less than RM150,000. The court opined that such an interpretation was a more reasonable

interpretation and was in line with the intention of enacting Act 716. Therefore, the decision of the SCJ to impose a fine of RM300,000 was appropriate (see paras 22–23 & 25).

(4) Based on s 283(1)(c) of the Criminal Procedure Code, the court imposing a fine may impose a sentence of imprisonment if the fine was not paid. However, the sentence of imprisonment for failure to pay a fine must be imposed by taking into account the principles of justice and could not be imposed arbitrarily. The court in considering a sentence of imprisonment for failure to pay a fine must take into account whether a sentence of imprisonment had been imposed together with the fine. This was to avoid a long period of imprisonment due to a person's failure to pay a fine which then required him to serve a sentence of imprisonment (see paras 28 & 30).

(5) In the present case, the court opined that the decision of the SCJ in imposing a sentence of four years imprisonment if the accused failed to pay a fine of RM300,000 was made in a manner that was not in the interest of justice. The SCJ failed to properly consider the appeal for mitigation of sentence by the accused in imposing a sentence of imprisonment for failure to pay the fine. Having examined the present appeal, the facts and exhibits submitted and the principles of judgment, the court imposed a sentence of 12 months imprisonment if the accused failed to pay the fine (see paras 33–34).

(6) Having considered the facts of the case and without underestimating the efforts to conserve wildlife as stated in Act 716, the court found that the four-year prison sentence imposed by the SCJ should be set aside and replaced with a 24-month prison sentence which was a more appropriate sentence based on the facts and circumstances of the present case (see para 35).]

Kes-kes yang dirujuk

Francis Hart Dyke, ESQ, Her Majesty's Procurator-General, on behalf of Our Sovereign Lady the Queen v Henry William Elliott, and the Owners of the Steam-Tug or Vessel 'Gauntlet' (1872) LR 4 PC 184 (dirujuk)

Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar bin Abdullah v Datuk Kamal bin Mohd Ali & Anor and another appeal [2025] 2 MLJ 147, MR (dirujuk)

Public Prosecutor v Amir bin Mahmood & Ors [1996] 5 MLJ 159, MT (diikut)

Tebin bin Mostapa (as administrator of the estate of Hj Mostapa bin Asan, deceased) v Hulba-Danyal bin Balia & Anor (as joint administrators of the estate of Balia bin Munir, deceased) [2020] 4 MLJ 721, MP (diikut)

Tuan Mat bin Tuan Lonik v PP [2009] 4 MLJ 81; [2009] 4 CLJ 638, MR (diikut)

Tuck & Sons v Priester (1887) 19 QBD 629, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 ss 3, 68, 68(2)(c)
Kanun Tatacara Jenayah ss 283(1)(b)(iv), 283(1)(c), 316(b)(i)

Wan Nur Muhammad Ehsan bin Alauddin (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Perhilitan Negeri Pahang) bagi pihak perayu.
Tidak diwakili bagi pihak responden.

Roslan Mat Nor H:

PENDAHULUAN

[1] Mergastua di hutan adalah penting untuk dikekalkan dan dipulihara. Ia wajar dilindungi daripada dimusnahkan atau dibunuh oleh individu yang tidak bertanggungjawab. Usaha pemuliharaan dan perlindungan telah dizahirkan melalui Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010. Sebelum ini telah dilaksanakan di bawah Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972.

[2] Kesungguhan badan perundangan dalam usaha ini dapat dilihat dalam pindaan kepada Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 melalui pindaan undang-undang berkaitan yang berkuat kuasa mula 1 Februari 2023 melalui PU(B) 32/2023.

[3] Perayu/responden telah dituduh dengan pertuduhan seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 12/12/2023, jam lebih kurang 12.30 petang di dalam Taman Negara Pahang (koordinat GPS: X-446919, Y494277) di dalam kawasan Taman Negara Pahang telah didapati menyimpan lima puluh empat (54) bahagian Harimau Kumbang (Panthera Pardus) yang merupakan bahagian hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya di bawah Jadual Kesepuluh, Akta Pemuliharaan Hidupan Liar (Pindaan) 2022 [Akta A1646] tanpa suatu permit khas. Oleh yang demikian kamu telah melakukan kesalahan di bawah seksyen 68(1)(b) Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716) dan boleh dihukum di bawah seksyen 68(2)(c) Akta Pemuliharaan Hidupan Liar (Pindaan) 2022 [Akta A1646].

[4] Pada 24 Februari 2024, perayu/responden telah membuat pengakuan salah. Hakim mahkamah sesyen setelah berpuas hati dengan pengakuan salah dan setelah menimbangkan rayuan pemberatan dan peringanan telah menjatuhkan hukuman denda RM300,000 gagal bayar empat tahun penjara dan empat tahun penjara dari tarikh tangkap.

RAYUAN PENDAKWA RAYA

[5] Pendakwa raya mengemukakan rayuan terhadap hukuman tersebut dengan menyatakan bahawa hukuman denda adalah tidak sejajar dengan

peruntukan undang-undang di bawah s 68 Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010.

[6] Asas kepada rayuan pendakwa raya ialah sepatutnya denda yang dikenakan oleh hakim mahkamah sesyen adalah sebanyak RM8.1 juta dengan mengambil kira bahagian hidupan liar seperti yang terdapat di kertas pertuduhan. Pendakwa raya tidak mengemukakan sebarang rayuan terhadap hukuman pemenjaraan yang telah diputuskan oleh hakim mahkamah sesyen.

RAYUAN TERTUDUH

[7] Tertuduh dalam kes ini memohon agar mahkamah mempertimbangkan hukuman yang lebih rendah daripada apa yang telah diputuskan oleh hakim mahkamah sesyen. Tertuduh telah mengemukakan rayuan peringanan dan pemberatan hukuman di dalam rayuan ini seperti yang telah dibangkitkan di dalam rayuan peringanan hukuman di mahkamah sesyen.

ANALISA

[8] Seksyen 68(2)(c) Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 yang telah dipinda dan berkuat kuasa 1 Februari 2023 iaitu sebelum daripada kesalahan yang dilakukan oleh tertuduh pada 12 Disember 2023 memperuntukkan seperti berikut:

> 68 Memburu, dsb., hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya tanpa permit khas
>
> (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), mana-mana orang yang —
>
> (a) memburu atau menyimpan mana-mana hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya (selain hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya yang tidak matang atau hidupan liar betina yang dilindungi sepenuhnya); atau
>
> (b) mengambil atau menyimpan mana-mana bahagian atau terbitan hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya,
>
> tanpa suatu permit khas melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada lima puluh ribu ringgit dan tidak lebih daripada lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.
>
> (2) Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah subseksyen (1) dan kesalahan itu membabitkan —
>
> (a) mana-mana hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan atau mana-mana bahagian atau terbitan hidupan liar itu, hendaklah, apabila disabitkan, dihukum denda tidak kurang daripada tiga puluh ribu ringgit bagi setiap hidupan liar atau bahagian atau terbitan hidupan liar itu dan dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima belas tahun;

(b) (Dipotong oleh Akta A1646: s 40)

(c) *mana-mana hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya yang dinyatakan dalam Jadual Kesepuluh atau mana-mana bahagian atau terbitan hidupan liar itu hendaklah, apabila disabitkan, dihukum denda tidak kurang daripada satu ratus lima puluh ribu ringgit bagi setiap hidupan liar atau bahagian atau terbitan hidupan liar itu dan dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima belas tahun.*

[9] Penelitian kepada peruntukan tersebut menunjukkan bahawa hukuman yang boleh dikenakan bagi kesalahan yang disabitkan di bawah s 68(2)(c) Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 ialah hukuman denda minimum RM150,000 bagi setiap hidupan liar atau bahagian atau terbitan hidupan liar itu. Timbalan pendakwa raya menghujahkan bahawa disebabkan di dalam kes ini terdapat bahagian-bahagian binatang liar yang telah disenaraikan seperti berikut di dalam laporan Makmal Forensik Hidupan Liar Kebangsaan yang dikemukakan sebagai P6 di ms 13 Jld 1 Rekod Rayuan:

BIL	NO. RUJUKAN MAKMAL	*TANDA PADA BARANG KES/ SAMPEL	*KETERANGAN BARANG KES/ SAMPEL	KEPUTUSAN
1.	NWFL-23-054-B2-1	B2-1	Plastik berzip (ziplock) berisi daging disyaki hidupan liar	Panthera pardus
2.	NWFL-23-054-B2-2	B2-2	Plastik berzip (ziplock) berisi daging disyaki hidupan liar	Panthera pardus
3.	NWFL-23-054-B2-3	B2-3	Plastik berzip (ziplock) berisi daging disyaki hidupan liar	Panthera pardus
4.	NWFL-23-054-B2-4	B2-4	Plastik berzip (ziplock) berisi daging disyaki hidupan liar	Panthera pardus
5.	NWFL-23-054-B2-5	B2-5	Plastik berzip (ziplock) berisi daging disyaki hidupan liar	Panthera pardus

6.	NWFL-23-054-B2-6	B2-6	Plastik berzip (ziplock) berisi daging disyaki hidupan liar	Panthera pardus
7.	NWFL-23-054-B2-7	B2-7	Plastik berzip (ziplock) berisi daging disyaki hidupan liar	Panthera pardus
8.	NWFL-23-054-B2-8	B2-8	Plastik berzip (ziplock) berisi daging disyaki hidupan liar	Panthera pardus
9.	NWFL-23-054-B2-9	B2-9	Plastik berzip (ziplock) berisi daging disyaki hidupan liar	Panthera pardus
10.	NWFL-23-054-B2-01	B2-10	Plastik berzip (ziplock) berisi daging disyaki hidupan liar	Panthera pardus
11.	NWFL-23-054-B2-11	B2-11	Plastik berzip (ziplock) berisi daging disyaki hidupan liar	Panthera pardus
12.	NWFL-23-054-B2-12	B2-12	Plastik berzip (ziplock) berisi daging disyaki hidupan liar	Panthera pardus
13.	NWFL-23-054-B2-13	B2-13	Plastik berzip (ziplock) berisi daging disyaki hidupan liar	Panthera pardus
14.	NWFL-23-054-B2-14	B2-14	Plastik berzip (ziplock) berisi daging disyaki hidupan liar	Panthera pardus
15.	NWFL-23-054-B2-15	B2-15	Plastik berzip (ziplock) berisi daging disyaki hidupan liar	Panthera pardus

16.	NWFL-23-054-B2-16	B2-16	Plastik berzip (ziplock) berisi daging disyaki hidupan liar	Panthera pardus
17.	NWFL-23-054-B2-17	B2-17	Plastik berzip (ziplock) berisi daging disyaki hidupan liar	Panthera pardus
18.	NWFL-23-054-B2-18	B2-18	Plastik berzip (ziplock) berisi daging disyaki hidupan liar	Panthera pardus
19.	NWFL-23-054-B2-19	B2-19	Plastik berzip (ziplock) berisi daging disyaki hidupan liar	Panthera pardus
20.	NWFL-23-054-B2-20	B2-20	Plastik berzip (ziplock) berisi daging disyaki hidupan liar	Panthera pardus
21.	NWFL-23-054-B2-21	B2-21	Plastik berzip (ziplock) berisi daging disyaki hidupan liar	Panthera pardus
22.	NWFL-23-054-B2-22	B2-22	Plastik berzip (ziplock) berisi daging disyaki hidupan liar	Panthera pardus
23.	NWFL-23-054-B2-23	B2-23	Plastik berzip (ziplock) berisi daging disyaki hidupan liar	Panthera pardus
24.	NWFL-23-054-B2-24	B2-24	Plastik berzip (ziplock) berisi daging disyaki hidupan liar	Panthera pardus
25.	NWFL-23-054-B2-25	B2-25	Plastik berzip (ziplock) berisi daging disyaki hidupan liar	Panthera pardus

26.	NWFL-23-054-B2-26	B2-26	Plastik berzip (ziplock) berisi daging disyaki hidupan liar	Panthera pardus
27.	NWFL-23-054-B2-27	B2-27	Plastik berzip (ziplock) berisi daging disyaki hidupan liar	Panthera pardus
28.	NWFL-23-054-B2-28	B2-28	Plastik berzip (ziplock) berisi daging disyaki hidupan liar	Panthera pardus
29.	NWFL-23-054-B2-29	B2-29	Plastik berzip (ziplock) berisi daging disyaki hidupan liar	Panthera pardus
30.	NWFL-23-054-B2-30	B2-30	Plastik berzip (ziplock) berisi daging disyaki hidupan liar	Panthera pardus
31.	NWFL-23-054-B2-31	B2-31	Plastik berzip (ziplock) berisi daging disyaki hidupan liar	Panthera pardus
32.	NWFL-23-054-B2-32	B2-32	Plastik berzip (ziplock) berisi daging disyaki hidupan liar	Panthera pardus
33.	NWFL-23-054-B2-33	B2-33	Plastik berzip (ziplock) berisi daging disyaki hidupan liar	Panthera pardus
34.	NWFL-23-054-B2-34	B2-34	Plastik berzip (ziplock) berisi daging disyaki hidupan liar	Panthera pardus
35.	NWFL-23-054-B2-35	B2-35	Plastik berzip (ziplock) berisi daging disyaki hidupan liar	Panthera pardus

36.	NWFL-23-054-B2-36	B2-36	Plastik berzip (ziplock) berisi daging disyaki hidupan liar	Panthera pardus
37.	NWFL-23-054-B2-37	B2-37	Plastik berzip (ziplock) berisi daging disyaki hidupan liar	Panthera pardus
38.	NWFL-23-054-B2-38	B2-38	Plastik berzip (ziplock) berisi daging disyaki hidupan liar	Panthera pardus
39.	NWFL-23-054-B2-39	B2-39	Plastik berzip (ziplock) berisi daging disyaki hidupan liar	Panthera pardus
40.	NWFL-23-054-B2-40	B2-40	Plastik berzip (ziplock) berisi daging disyaki hidupan liar	Panthera pardus
41.	NWFL-23-054-B2-41	B2-41	Plastik berzip (ziplock) berisi daging disyaki hidupan liar	Panthera pardus
42.	NWFL-23-054-B2-42	B2-42	Plastik berzip (ziplock) berisi daging disyaki hidupan liar	Panthera pardus
43.	NWFL-23-054-B2-43	B2-43	Plastik berzip (ziplock) berisi daging disyaki hidupan liar	Panthera pardus
44.	NWFL-23-054-B2-44	B2-44	Plastik berzip (ziplock) berisi daging disyaki hidupan liar	Panthera pardus
45.	NWFL-23-054-B2-45	B2-45	Plastik berzip (ziplock) berisi daging disyaki hidupan liar	Panthera pardus

46.	NWFL-23-054-B2-46	B2-46	Plastik berzip (ziplock) berisi daging disyaki hidupan liar	Panthera pardus
47.	NWFL-23-054-B2-47	B2-47	Plastik berzip (ziplock) berisi daging disyaki hidupan liar	Panthera pardus
48.	NWFL-23-054-B2-48	B2-48	Plastik berzip (ziplock) berisi daging disyaki hidupan liar	Panthera pardus
49.	NWFL-23-054-B2-49	B2-49	Plastik berzip (ziplock) berisi daging disyaki hidupan liar	Panthera pardus
50.	NWFL-23-054-B2-50	B2-50	Plastik berzip (ziplock) berisi daging disyaki hidupan liar	Panthera pardus
51.	NWFL-23-054-B2-51	B2-51	Plastik berzip (ziplock) berisi daging disyaki hidupan liar	Panthera pardus
52.	NWFL-23-05-B2-52	B2-52	Plastik berzip (ziplock) berisi daging disyaki hidupan liar	Panthera pardus
53.	NWFL-23-054-B2-1	B2-53	Plastik berzip (ziplock) berisi daging disyaki hidupan liar	Panthera pardus
54.	NWFL-23-054-A2	A2	Plastik berzip (ziplock) berisi daging disyaki hidupan liar	Panthera pardus

[10] Penelitian kepada hujahan timbalan pendakwa raya dan alasan penghakiman mahkamah ini berpendapat terdapat tiga isu utama dalam kes ini iaitu:

(a) adakah kadar denda yang diputuskan oleh hakim mahkamah sesyen adalah suatu kekhilafan;

(b) adakah kadar hukuman pemenjaraan sekiranya tertuduh gagal membayar denda adalah teratur; dan

(c) adakah hukuman pemenjaraan yang diputuskan oleh hakim mahkamah sesyen adalah teratur.

Isu (a)

[11] Seksyen 68(2)(c) Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 telah memperuntukkan bahawa hukuman denda adalah tidak kurang daripada RM150,000 dan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi 15 tahun bagi: (i) setiap hidupan liar; (ii) bahagian; atau (iii) terbitan hidupan liar.

[12] Timbalan pendakwa raya menyatakan hakim mahkamah sesyen sepatutnya menjatuhkan hukuman denda berjumlah RM1.8 juta disebabkan terdapat 54 bahagian daging yang disyaki hidupan liar *panthera pardus.* Secara mudahnya ia diperolehi melalui rumus 54 x RM150,000 = RM1.8 juta.

[13] Persoalannya ialah adakah mahkamah ini wajar mempertimbangkan tafsiran yang dinyatakan oleh timbalan pendakwa raya. Adakah peruntukan yang dinyatakan di bawah s 68(2)(c) Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 itu adalah jelas dan tidak memerlukan tafsiran yang lain melainkan tafsiran hurufiyah? Ini ditambah pula di dalam Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 sendiri terdapat tafsiran berkenaan bahagian atau terbitan. Ia dinyatakan di bawah s 3 seperti berikut:

> 'bahagian atau terbitan' ertinya mana-mana bahagian besaryang lengkap atau bahagian atau terbitan suatu hidupan liar, yang dalam bentuk semula jadi, diisikan, didinginkan, diawetkan, dikeringkan, diproses atau selainnya dirawat atau disediakan yang boleh atau tidak boleh dikandungkan dalam sediaan, dan termasuklah —
>
> (a) daging, tulang, belulang, kulit, taring, tanduk, tanduk rusa, kelenjar, bulu pelepah, bulu, gigi, kuku, cangkerang, sisik, sarang dan telur;
>
> (b) tisu, darah, lemak, minyak, susu, bisa, air liur, air kencing dan najis;
>
> (c) apa-apa sebatian yang terbit daripada apa-apa yang disebut dalam perenggan (a) atau (b); atau
>
> (d) apa-apa benda yang didakwa oleh mana-mana orang, atau yang didapati daripada suatu dokumen yang disertakan, pembungkusan, suatu label atau tanda atau daripada apa-apa hal keadaan lain, sebagai mengandungi apa-apa bahagian atau terbitan hidupan liabiliti.

[14] Pada masa yang sama Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 juga memberi takrifan tentang hidupan liar seperti berikut:

> 'hidupan liar' ertinya mana-mana spesies haiwan liar atau burung liar, sama ada

yang dilindungi sepenuhnya atau yang dilindungi, vertebrata atau invertebrata, hidup atau mati, matang atau tidak matang dan sama ada boleh dijinakkan atau dibiakkan dalam kurungan atau tidak.

[15] Begitu juga adakah hukuman denda yang dikenakan oleh hakim mahkamah sesyen tersebut tidak memenuhi hasrat pindaan Akta ini seperti yang dinyatakan oleh Menteri Tenaga Dan Sumber Asli ketika membentangkan Rang Undang-Undang Pemuliharaan Hidupan Liar (Pindaan) 2021 pada 26 Oktober 2021 yang menyatakan seperti berikut:

Kelima, hukuman dan denda yang rendah tidak memberikan pengajaran kepada pesalah-pesalah.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Pemulihan Hidupan Liar (Pindaan) 2021 ini adalah lebih responsif kepada keperluan semasa dalam membanteras jenayah hidupan liar.

Penguatkuasaan Akta 716 sedia ada tidak dapat menurunkan kadar jenayah hidupan liar yang akan menyebabkan kepupusan hidupan liar. Pendekatan ini bukan sahaja bertujuan untuk melindungi hidupan liar malah turut juga melindungi habitatnya.

[16] Begitu juga dengan kenyataan Menteri semasa penggulungan Rang Undang-Undang tersebut menyatakan seperti berikut:

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Boleh dapat pandangan Yang Berhormat Menteri. Bukankah RM500,000 denda dengan 10 tahun penjara ini sudah merupakan satu hukuman yang berat dari segi undang-undang.

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan: Ya. RM500,000 itu ...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Jadi, that is no reason for increase.

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan: Sebanyak RM500,000 itu lebih berat daripada RM100,000. Akan tetapi, RM1 juta ini adalah memadai dan mencukupi untuk seriusnya kes-kes terhadap ancaman hidupan liar dalam negara kita. Ini telah dipersetujui oleh 97 peratus responden yang telah diberikan persoalan ini untuk kita libat urus.

1800

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Boleh dapat penjelasan. Responden ini, adakah dia pekebun kecil dan orang yang duduk?

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan: Semuanya. Sebagai mana yang saya sebutkan tadi Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Beruas, kita sebagai peguam kita tahu ini adalah maksimum penalti kepada kes daripada kecil sehinggalah besar. Jadi itu sahaja jawapan saya.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Akan tetapi saya hendak beritahu, mesej yang Parlimen hantar kepada mahkamah, menunjukkan bahawa RM500,000 dan 10 tahun itu tidak mencukupi. Jadi mahkamah akan mengenakan denda dan penjara

yang sangat tinggi. Kalau RM500,000 dianggap tidak ...

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan: Di dalam mahkamah mempunyai isu undang-undang dan isu fakta. Every case based on law and fact. Jadi kalau fakta itu tidak berat, tidaklah tinggi hukumannya. Itu semua kita tahulah.

[17] Adalah menjadi prinsip undang-undang yang jelas dalam memberikan tafsiran kepada undang-undang jenayah untuk lebih ketat dalam pentafsirannya. Ini telah dinyatakan dalam buku *Maxwell on the Interpretation of Statutes* (12th Ed) by P St J Langan di halaman 239–240 seperti berikut:

> The strict construction of penal statutes seems to manifest itself in four ways: in the requirement of express language for the creation of an offence; in interpreting strictly words setting out the elements of an offence; in requiring the fulfilment to the letter of statutory conditions precedents to the infliction of punishment; and in insisting on the strict observance of technical provisions concerning criminal procedure and jurisdiction.

[18] Dalam hal ini Mahkamah berpendapat dalam mentafsirkan undang-undang berkaitan dengan jenayah adalah wajar untuk mahkamah meneliti beberapa pandangan mahkamah berkenaan dengan bagaimanakah tafsiran bagi undang-undang berkaitan jenayah perlu dilakukan. Misalnya dalam kes *Tuck & Sons v Priester* (1887) 19 QBD 629 di mana pandangan Lord Esher MR wajar diberikan perhatian seperti berikut:

> *But then comes the question whether the plaintiffs are also entitled to recover penalties under* s 6 . We must be very careful in construing that section, because it imposes a penalty. If there is a reasonable interpretation which will avoid the penalty in any particular case we must adopt that construction. If there are two reasonable constructions we must give the more lenient one. That is the settled rule for the construction of penal sections.

[19] Ia juga dinyatakan dalam kes *Francis Hart Dyke, ESQ, Her Majesty's Procurator-General, on behalf of Our Sovereign Lady the Queen v Henry William Elliott, and the Owners of the Steam-Tug or Vessel 'Gauntlet'* (1872) LR 4 PC 184 di mana Lord Justice James menyatakan seperti berikut:

> It was much pressed in the Court below, and again before their Lordships, that the statute being a penal, or, as it was phrased, a highly penal one, it was to be construed strictly. It appears to their Lordships necessary to say a few words as to this topic, which is so often pressed in argument. No doubt all penal Statutes are to be construed strictly, that is to say, the Court must see that the thing charged as an offence is within the plain meaning of the words used, and must not strain the words on any notion that there has been a slip, that there has been a casus omissus, that the thing is so clearly within the mischief that it must have been intended to be included and would have been included if thought of. On the other hand, the person charged has a right to say that the thing charged, although within the words, is not within the spirit of the enactment. But where the thing is brought within the words and

within the spirit, there a penal enactment is to be construed, like any other instrument, according to the fair common-sense meaning of the language used, and the Court is not to find or make any doubt or ambiguity in the language of a penal statute, where such doubt or ambiguity would clearly not be found or made in the same language in any other instrument.

[20] Mahkamah Persekutuan telah memberikan garis panduan yang menarik secara umum tatacara pentafsiran undang-undang bertulis yang telah dinyatakan dalam kes *Tebin bin Mostapa (as administrator of the estate of Hj Mostapa bin Asan, deceased) v Hulba-Danyal bin Balia & Anor (as joint administrators of the estate of Balia bin Munir, deceased)* [2020] 4 MLJ 721 seperti berikut:

[28] At common law, there are three judicial rules of statutory interpretation. They are: (i) the literal rule; (ii) the golden rule; and (iii) the mischief rule. According to the literal rule, the statute is read by its natural and ordinary, meaning of the words, the assumption being that Parliament has said what it means. However, this can lead to absurd outcomes or in other instances the literal interpretation may appear to be contrary to Parliament's intentions. If the literal rule yields an absurd outcome, the court will apply the golden rule. When the usual meaning of a word causes unjust outcomes, the courts interpret the offending word to reduce the absurdity. The golden rule is applied narrowly where there is more than one meaning of a word, the court may chose the meaning that avoids an absurdity. Where there is only one meaning but the literal rule would lead to an absurd or repugnant situation, the court will modify the meaning of the words or phrases to avoid the absurd result. If the literal and golden rules have failed to achieve a just result, the court will apply the mischief rule to ascertain the wrong (or mischief) that Parliament was trying to remedy and interpret the statute in accordance with Parliament's intention; in essence the purposive approach to statutory interpretation. This approach requires the court to examine the object of the statute in question and to construe the doubtful phrases or words in accordance with that purpose.

[30] In our opinion, the rules governing statutory interpretation may be summarised as follows. First, in construing a statute effect must be given to the object and intent of the Legislature in enacting the statute. Accordingly, the duty of the court is limited to interpreting the words used by the Legislature and to give effect to the words used by it. The court will not read words into a statute unless clear reason for it is to be found in the statute itself. Therefore, in construing any statute, the court will look at the words in the statute and apply the plain and ordinary meaning of the words in the statute. Second, if, however the words employed are not clear, then the court may adopt the purposive approach in construing the meaning of the words used. Section 17A of the Interpretation Acts 1948 and 1967 provides for a purposive approach in the interpretation of statutes. Therefore, where the words of a statute are unambiguous, plain and clear, they must be given their natural and ordinary meaning. The statute should be construed as a whole and the words used in a section must be given their plain grammatical meaning. It is not the province of the court to add or subtract any word; the duty of the court is limited to interpreting the words used by the legislature and it has no power to fill in the gaps disclosed. Even if the words in a statute may be ambiguous,

A the power and duty of the court 'to travel outside them on a voyage of discovery are strictly limited'. Third, the relevant provisions of an enactment must be read in accordance with the legislative purpose and applies especially where the literal meaning is clear and reflects the purposes of the enactment. This is done by reference to the words used in the provision; where it becomes necessary to consider
B every word in each section and give its widest significance. An interpretation which would advance the object and purpose of the enactment must be the prime consideration of the court, so as to give full meaning and effect to it in the achievement to the declared objective. As such, in taking a purposive approach, the court is prepared to look at much extraneous materials that bears on the background against which the legislation was enacted. It follows that a statute has to be read in
C the correct context and that as such the court is permitted to read additional words into a statutory provision where clear reasons for doing so are to be found in the statute itself.

D **[21]** Seterusnya, mahkamah juga mengambil perhatian kepada salah satu perkara penting dalam pentafsiran undang-undang bertulis iaitu pentafsiran tersebut tidak boleh sesuatu yang tidak munasabah atau mustahil. Ini bermaksud bahawa pentafsiran yang diberikan tidak sewajarnya memberikan ianya suatu yang tidak munasabah sehingga menyebabkan undang-undang itu
E tidak membawa makna seperti yang dihasratkan di dalam penggubalannya. Hal ini telah dinyatakan dalam *Interpretation of Statutes NS Bindra's* (8th Ed) ms 231 seperti berikut:

> The Court has nothing to do with the question whether the Legislature has committed an absurdity. We are bound to construe a section according to the plain
F meaning of the language used, unless we can find either in the section itself or in any other part of the statute, anything that will either modify or qualify or alter the statutory language even if the result of such construction leads to anomalies or be produced even of absurdity. The purpose of the law is to prevent brooding sense of injustice.

G

[22] Dalam kes ini tafsiran yang menyatakan bahawa denda tidak kurang daripada RM150,000 akan dikenakan kepada setiap bahagian hidupan liar seperti yang dihujahkan oleh timbalan pendakwa raya boleh menyebabkan penjenayah akan memilih untuk mendapatkan seekor hidupan liar yang hanya
H boleh dijatuhkan hukuman tidak kurang daripada RM150,000 dibandingkan sekiranya bahagian-bahagian hidupan liar itu terlibat dalam kesalahan yang dilakukan oleh seseorang setiap bahagian tersebut akan menyebabkan tertuduh boleh dikenakan hukuman lebih daripada RM150,000. Ini pada hemat mahkamah adalah satu tafsiran yang kurang tepat. Sebaliknya mahkamah
I berpendapat peruntukan di bawah s 68(2)(c) Akta tersebut adalah menunjukkan bahawa kesalahan yang melibatkan seekor hidupan liar boleh dikenakan hukuman minimum RM150,000 dan jika seseorang itu didapati melakukan kesalahan yang melibatkan bahagian atau mana-mana terbitan hidupan liar ia tertakluk kepada hukuman denda tidak melebihi RM150,000

tanpa mengambil kira berapakah jumlah bahagian dan terbitan hidupan liar tersebut. Ini adalah suatu yang munasabah bagi menggambarkan bahawa seorang pesalah sama ada dia menyimpan sebahagian atau mana-mana terbitan hidupan liar dia masih tertakluk untuk dijatuhkan hukuman denda tidak kurang daripada RM150,000. Dalam erti kata lain fakta bahawa seorang penjenayah itu menyimpan atau mengambil mana-mana bahagian atau terbitan hidupan liar tersebut ia tetap tidak boleh menyatakan bahawa disebabkan bahagian tersebut bukannya suatu hidupan liar seperti yang ditakrifkan di bawah s 3 Akta maka tidak boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang daripada RM150,000. Dia tetap boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang daripada RM150,000.

[23] Mahkamah berpendapat tafsiran sedemikian akan selari dengan hasrat penggubalan Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 yang ingin meningkatkan hukuman kepada pesalah-pesalah yang melakukan jenayah terhadap hidupan liar sama ada ia melibatkan satu hidupan liar atau mana-mana bahagian atau terbitan hidupan liar tersebut. Ini pada hemat mahkamah adalah tafsiran yang lebih munasabah dalam konteks s 68(2)(c) Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 tersebut.

[24] Pada masa yang sama mahkamah juga tidak terlepas pandang dengan maksim undang-undang *dura lex, sed ita scripta est ie though the law is harsh, it is still the law*. Ini bermakna walaupun hukuman seperti yang dinyatakan di bawah s 68(2)(c) Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 adalah berat namun ia perlu dikuatkuasakan. Walau bagaimanapun mahkamah berpendapat tafsiran yang tidak munasabah kepada peruntukan tersebut akan menyebabkan berlakunya ketidakadilan kepada tertuduh dan ia adalah suatu pentafsiran yang tidak munasabah. Tanpa menafikan kesungguhan untuk memperkasakan pemuliharaan kepada mergastua dengan memperuntukkan hukuman yang berat kepada penjenayah yang melakukan kesalahan terhadap hidupan liar ia tidak boleh menyebabkan tafsiran yang dibuat itu sesuatu yang tidak munasabah.

[25] Dalam kes ini mahkamah berpendapat keputusan hakim mahkamah sesyen mengenakan hukuman denda RM300,000 bagi kesalahan yang dipertuduhan kepada tertuduh adalah sesuatu yang wajar. Ia adalah berdasarkan kepada tafsiran hukuman seperti yang dinyatakan di atas dan tafsiran yang dinyatakan oleh timbalan pendakwa raya berkenaan dengan kadar denda yang sewajarnya dikenakan adalah sesuatu yang tidak dapat dipersetujui oleh mahkamah ini. Oleh itu hukuman denda hakim mahkamah sesyen dikekalkan.

Isu (b)

Hukuman pemenjaraan sekiranya tertuduh gagal menjelaskan denda

[26] Hakim mahkamah sesyen telah menjatuhkan hukuman denda RM300,000 jika gagal bayar empat tahun penjara. Dalam hal ini mahkamah perlu meneliti sama ada hukuman pemenjaraan yang diberikan oleh hakim mahkamah sesyen adalah teratur mengikut kehendak undang-undang. Dalam kes ini hukuman pemenjaraan yang boleh dikenakan di bawah s 68(2)(c) Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 adalah tidak melebihi lima belas tahun.

[27] Dalam hal ini mahkamah merujuk kepada s 283(1)(c) KTJ yang memperihalkan hukuman pemenjaraan sekiranya tertuduh gagal menjelaskan denda yang diberikan oleh mahkamah seperti berikut:

> (1) Where any fine is imposed under the authority of any law for the time being in force, then, in the absence of any express provision relating to the fine in such law contained, the following provisions shall apply —
>
> (c) the period for which the Court directs the offender to be imprisoned in default of payment of fine shall not exceed the following scale:
>
> (i) if the offence is punishable with imprisonment:

Where the maximum term of imprisonment —	The period shall not exceed —
does not exceed six months	the maximum term of imprisonment
exceeds six months but does not exceed one year	six months
exceeds one year but does not exceed two years	one year
exceeds two years	half of the maximum term of imprisonment;

[28] Ini bermakna mahkamah yang menjatuhkan hukuman denda boleh menjatuhkan hukuman pemenjaraan sekiranya gagal denda dibayar mengikut peruntukan di bawah s 283(1)(c) KTJ. Namun demikian mahkamah berpendapat hukuman pemenjaraan di atas kegagalan hendaklah dilakukan dengan mengambil kira prinsip keadilan dan tidak boleh dilakukan secara sesuka hati. Mahkamah ini bersetuju dengan pandangan yang dikemukakan dalam kes *Public Prosecutor v Amir bin Mahmood & Ors* [1996] 5 MLJ 159 seperti berikut:

> I am not unmindful of s 283(1)(b)(4) of the CPC which enacts that the court passing the sentence of a fine may direct that in default of payment of the fine the offender shall suffer imprisonment of a certain term, which imprisonment shall be in excess of any other imprisonment to which he may be sentenced or to which he may be liable under a commutation of sentence. I am of the considered view that the courts should not arbitrarily apply, as they have done in the past, s 283(1)(b)(4) of the CPC when imposing fines.

[29] Pada masa yang sama mahkamah juga meneliti peruntukan di bawah s 283(1)(b)(iv) KTJ yang menyatakan seperti berikut:

> (b) in every case of an offence in which the offender is sentenced to pay a fine the Court passing the sentence may, in its discretion, do all or any of the following things:
>
> (i) allow time for the payment of the fine;
>
> (ii) direct payment of the fine to be made by instalments;
>
> (iii) issue a warrant for the levy of the amount by distress and sale of any property belonging to the offender;
>
> (iv) direct that in default of payment of the fine the offender shall suffer imprisonment for a certain term, which imprisonment shall be in excess of any other imprisonment to which he may be sentenced or to which he may be liable under a commutation of sentence:
> Provided that where time is not allowed for the payment of a fine an order for imprisonment in default of payment shall not be issued in the first instance unless it appears to the Court that the person has no property or insufficient property to satisfy the fine payable or that the levy of distress will be more injurious to him or his family than imprisonment;
>
> (v) direct that the person be searched and that any money found on him when so searched or which, in the event of his being committed to prison, may be found on him when taken to prison, shall be applied towards the payment of such fine, the surplus, if any, being returned to him:
> Provided that the money shall not be so applied if the Court is satisfied that the money does not belong to the person on whom it was found or that the loss of the money will be more injurious to him than his imprisonment;

[30] Ini bermakna hukuman denda ekoran daripada kegagalan membayar denda akan berkuat kuasa selepas tamatnya tempoh hukuman pemenjaraan yang telah diberikan mengikut peruntukan undang-undang yang berkaitan melainkan denda tersebut telah dijelaskan sepenuhnya (lihat *Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar bin Abdullah v Datuk Kamal bin Mohd Ali & Anor and another appeal* [2025] 2 MLJ 147). Oleh itu mahkamah dalam menimbangkan hukuman pemenjaraan di atas kegagalan membayar denda perlu mengambil kira sama ada hukuman pemenjaraan telah diberikan bersama-sama hukuman denda. Ini bagi mengelakkan pada hemat mahkamah tempoh pemenjaraan yang panjang ekoran daripada kegagalan seseorang menjelaskan denda yang memerlukan dia menjalankan hukuman pemenjaraan. Sebagai contoh seorang dijatuhkan hukuman pemenjaraan empat tahun dan kemudian dijatuhkan hukuman denda RM300,000 seperti dalam kes ini dan jika gagal bayar empat tahun penjara. Sekiranya seseorang itu tidak dapat menjelaskan denda dia akan dipenjarakan selama lapan tahun iaitu hukuman penjara yang telah dijatuhkan empat tahun diikuti dengan penjara empat tahun ekoran daripada kegagalan menjelaskan denda tersebut.

[31] Pada hemat mahkamah sekiranya ini berlaku ia menunjukkan bahawa hukuman pemenjaraan di atas kegagalan membayar denda adalah tidak selari dengan kehendak keadilan.

[32] Pada masa yang sama semasa menjatuhkan hukuman pemenjaraan di atas kegagalan membayar denda pada hemat mahkamah ia tidak boleh dijadikan sebagai alasan untuk memanjangkan tempoh pemenjaraan terhadap seseorang. Jika ini dilakukan semasa menjatuhkan hukuman pemenjaraan di atas kegagalam membayar denda ia sudah jelas dengan bercanggah dengan prinsip keadilan yang memerlukan campur tangan mahkamah ini. Mahkamah ini menggunakan s 316(b)(i) dan (ii) KTJ memutuskan seperti berikut:

> (b) in an appeal from a conviction or in an appeal as to sentence-
>
> (i) reverse the finding and sentence and acquit or discharge the accused, or order him to be re-tried; or
>
> (ii) alter the finding, maintaining the sentence, or with or without altering the finding reduce or enhance the sentence or alter the nature of the sentence.

[33] Dalam kes ini mahkamah berpendapat keputusan hakim mahkamah sesyen menjatuhkan hukuman denda RM300,000 jika gagal bayar penjara empat tahun telah dilakukan dengan gagal tanpa mengambil kira kepentingan keadilan. Malahan setelah menimbangkan rayuan yang dikemukakan oleh tertuduh dalam kes ini bagi mengurangkan hukuman semasa prosiding di mahkamah sesyen pada hemat mahkamah telah tidak dipertimbangkan dengan sewajarnya oleh hakim mahkamah sesyen dalam menjatuhkan hukuman pemenjaraan di atas kegagalan membayar denda. Mahkamah ini berpendapat ia perlu diperbetulkan.

[34] Setelah meneliti rayuan ini fakta dan eksibit-eksibit yang dikemukakan serta prinisp penghakiman mahkamah berpendapat dalam kes ini hukuman penjara sekiranya tertuduh gagal untuk membayar denda ditetapkan kepada 12 bulan. Ini bermakna mahkamah meminda hukuman denda seperti berikut:

> Denda RM300,000, jika gagal bayar penjara 12 bulan.

Isu (c)

Hukuman pemenjaraan

[35] Mahkamah juga berpendapat bahawa hukuman pemenjaraan empat tahun yang dijatuhkan oleh hakim mahkamah sesyen dengan menimbangkan fakta kes dan tanpa meremehkan usaha untuk melakukan pemuliharaan kepada haiwan liar seperti yang dinyatakan dalam Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010, mahkamah berpendapat hukuman empat tahun yang diberikan oleh hakim mahkamah sesyen adalah perlu diketepikan oleh

mahkamah dan digantikan dengan hukuman pemenjaraan 24 bulan. Ia adalah lebih sesuai berdasarkan fakta dan keadaan dalam kes ini.

[36] Akhirnya rayuan pendakwa raya ditolak, rayuan perayu dibenarkan. Natijahnya mahkamah memutuskan seperti berikut:

> Denda RM300,000 gagal bayar 12 bulan penjara dan penjara 24 bulan dari tarikh tangkap.

KESIMPULAN

[37] Proses penghukuman adalah penting dalam satu prosiding jenayah. Ia adalah paling sukar dan memerlukan penelitian kepada prinsip penghukuman, fakta dan keadaan sesuatu kes. Ia tidak wajar dipengaruhi oleh sentimen atau pandangan orang awam terhadap sesuatu kesalahan. Pandangan dan kata nasihat yang berguna oleh Mahkamah Rayuan di dalam kes *Tuan Mat bin Tuan Lonik v Public Prosecutor* [2009] 4 MLJ 81; [2009] 4 CLJ 638 wajar dinukilkan di sini sebagai ingatan abadi yang wajar diambil kira semasa mahkamah menjatuhkan hukuman. Ia adalah seperti berikut:

> [11] Sentence is the last stage of a judicial process in a criminal case, and will inevitably take place at the end of a full blown trial or after a plea of guilt has been recorded. In both situations prior to the sentencing process a conviction must be recorded first. Punishments may vary due to the desire of arriving at different objectives, and en route to choosing that punishment, the court must weigh the interest of the public and that of the prisoner. Unfortunately many a time, the concept of public interest may take a twisted meaning, and be equated with public opinion. When public opinion takes the front seat then the demand for retribution takes prominence, resulting sometimes in inappropriate or even void sentences.

[38] Sesungguhnya, keputusan menjatuhkan hukuman yang tidak berlandaskan prinsip undang-undang boleh menyebabkan kesalahan serius melibatkan kecederaan dan kehilangan nyawa manusia akan diberikan hukuman ringan. Sebaliknya, kesalahan yang tidak memberi kesan langsung kepada kecederaan, kehilangan nyawa dan maruah akan dijatuhi hukuman yang lebih berat. Ini hendaklah dielakkan.

[39] Oleh itu pertimbangan yang bijaksana amat diperlukan daripada hakim yang menjatuhkan hukuman. Ini bagi membolehkan 'keadilan dilaksanakan dan terzahir pelaksanaannya'.

Rayuan pendakwa raya ditolak; rayuan tertuduh dibenarkan; tertuduh

dijatuhkan hukuman denda sebanyak RM300,000 jika gagal bayar 12 bulan penjara, dan penjara 24 bulan dari tarikh tangkap.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar